

Pak Lah puji Najib terajui kempen BN

TPM tunjuk kebolehan gerak jentera pilihan raya kecil

BH-28/4/2007

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin dengan kemampuan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dalam menjalankan tanggungjawab yang diberi, termasuk mengetuai jentera Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok, Selangor.

Perdana Menteri berkata, Najib sudah menunjukkan kebolehan dalam pelbagai pilihan raya kecil sehingga BN mencapai kejayaan cemerlang.

"Saya yakin dengan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana banyak kerja yang dilaksanakan itu saya berpuas hati, termasuk peranannya di Ijok sebagai Timbalan Pengerusi BN," katanya pada sidang media selepas melancarkan Hari Harta Intelek Negara, di sini, semalam. Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal.

Abdullah mengulas serangan peribadi yang dilemparkan pembangkang terhadap Najib dalam kempen pilihan raya kecil itu.

Sejak kempen pilihan raya kecil DUN Ijok bermula 19 April lalu, Najib menjadi sasaran pembangkang, yang antara lain mengaitkan beliau dengan kes pembunuhan wanita rakyat Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Perdana Menteri berkata, Najib kerap membuktikan keupayaannya dalam mengetuai jentera parti setiap kali pilihan raya kecil diadakan.

"Sungguhpun saya sebagai Pengerusi BN, tanggungjawab saya untuk ketua, tetapi selama ini beliau (Najib) mengetuai jentera pilihan raya kecil dan menunjukkan kebolehan serta mencapai kejayaan," katanya.

Abdullah berkata, serangan peribadi terhadap timbalannya tidak wajar kerana tuduhan dibuat tidak ber-



DETIK CERIA: Abdullah mendengar penerangan daripada pelajar Sekolah Menengah Sains Tengku Mohamad Faris Petra yang memenangi Anugerah Kategori Perekacipta Remaja di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Mohd Shafie (tiga dari kanan).

kaitan dengan Najib.

Beliau juga berkata, penggunaan serangan peribadi dalam strategi berkempen tidak akan membawa apa-apa faedah, sebaliknya mendorong satu pihak lagi bertindak balas dengan cara sama.

"Apabila satu kumpulan mula melakukannya, kumpulan lain pula akan membalasnya dengan cara yang sama.

"Rakyat tidak akan beroleh keuntungan sama sekali, rakyat mahukan pembangunan, rakyat mahu tahu apakah isunya, apa yang parti dan calon yang dipilih dapat lakukan untuk membantu mereka. Saya fikir itulah rakyat mahu tahu," katanya.

Mengenai hasrat calon Parti Kea-

dilan Rakyat (PKR), Tan Sri Khalid Ibrahim, 61, untuk mengambil tindakan berhubung kenyataan Najib bahawa bekas Ketua Eksekutif Guthrie Bhd itu bertanding kerana kecewa dengan kerajaan selepas gagal mengambil alih 20 peratus saham dalam Guthrie, Abdullah berkata:

"Jika itu yang diinginkan, biarlah beliau mengambil tindakan. Saya yakin Najib mempunyai asas yang kukuh mengenai kenyataan yang dibuatnya itu."

Abdullah turut menasihatkan pengundi di Ijok agar menunaikan kewajiban mereka pada hari pengundian hari ini.

“Saya yakin dengan beliau kerana banyak kerja yang dilaksanakan itu saya berpuas hati, termasuk peranannya di Ijok”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

LEADERSHIP
KEPIMPINAN
PERDANA